

# KELESTARIAN PROGRAM AKADEMIK DAN KEWANGAN DALAM PENGAJIAN TINGGI ISLAM

**Mohd Mizan Mohammad Aslam<sup>1</sup>, Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy Wan  
Mohar<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>(Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Malaysia)

<sup>2</sup>(Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Malaysia)

## PENDAHULUAN

Peningkatan tahap kemakmuran dan pembangunan Malaysia sejak mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957 amat membanggakan. Proses pembangunan dan kemajuan negara dilakukan secara berterusan dengan perancangan yang teliti bagi menjamin taburan pembangunan dan kemajuan dapat dirasai oleh semua golongan masyarakat secara adil dan saksama. Berdasarkan kepada beberapa perancangan dan dasar-dasar yang telah ditentukan, kini Malaysia berada dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10). Ia adalah kesinambungan pelan rancangan pembangunan negara jangka sederhana untuk tempoh lima tahun (tahun 2011 hingga 2015). Dalam aspek pendidikan, Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia sebanyak RM54.6 bilion pada tahun 2014 atau 20.8 peratus daripada jumlah perbelanjaan kerajaan persekutuan dan ini merupakan satu bajet kewangan yang agak besar (Kementerian Kewangan Malaysia, 2014).

Justeru dengan kekangan belanjawan yang dihadapi oleh kerajaan, perlu satu strategi lain untuk menampung perbelanjaan kerajaan dan disamping memperkasakan kelestarian pendidikan dalam Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia (IPTIM) termasuklah melalui saluran wakaf dalam pendidikan juga memainkan peranan penting dalam merealisasikan RMK-10 terutamanya kepada Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia (IPTIM). Ia juga bertujuan bagi mencapai kemakmuran ekonomi dan pembangunan sosial dalam usaha melahirkan modal insan kelas pertama. Ia adalah persediaan bagi mencapai status negara maju dengan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Dengan melahirkan modal insan kelas pertama yang berkualiti serta berpengetahuan tinggi dengan nilai-nilai inovatif dan kreatif, guru terlatih dan berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang berkaitan diperlukan bagi peringkat pendidikan awal hingga ke peringkat tertinggi. Pendidikan tertinggi merupakan pemangkin bagi melahirkan tenaga-tenaga pakar dan ilmuwan. Oleh yang demikian, peranan institusi pengajian tinggi adalah amat penting dalam melahirkan modal insan kelas pertama.

Waqaf juga merupakan salah satu elemen yang penting dalam usaha pembangunan dan memperkasakan kelestarian sesebuah institusi dalam melahirkan modal insan kelas pertama dari perspektif pentadbiran atau sumber kewangan IPT. Ianya sejajar dengan RMK10 dengan tujuan agar kemakmuran dan keadilan dapat diagihkan secara saksama. Dengan peningkatan kemajuan dan pembangunan, kos pendidikan semasa juga turut mengalami peningkatan setiap tahun, tambahan pula bermula 1 April 2015 pengaplikasian Cukai Perkhidmatan atau lebih dikenali GST akan mula digunapakai di Malaysia. Perkara ini merupakan salah satu perkara yang serba sedikit memberi kesan kepada kebolehpayaan masyarakat dalam usaha meningkatkan tahap pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

Oleh demikian, peranan waqaf dalam pendidikan tinggi adalah penting dalam masyarakat. Berdasarkan kepada faktor sejarah, peranan waqaf telah dipraktikkan dari zaman Rasulullah SAW lagi. Malahan ia telah mula dilaksanakan sejak dari sebelum kedatangan Islam lagi. Telah dibuktikan semasa zaman kerajaan Uthmaniyyah (1299-1924M), satu pertiga daripada pembangunan kota tersebut termasuk jalan raya, bangunan dan perairan adalah dari sumber waqaf (waqaf al-Arsad). Malahan ianya telah bermula semasa kerajaan Abbasiyyah (754-1258M), Ayyubiah (1171-1249M), Mamalik (1249-1517M) dan terus hingga kerajaan Uthmaniyyah. Institusi wakaf dalam sesebuah negara juga amat penting kerana berdasarkan kepada peranan dan sumbangan waqaf itu sendiri memberikan impak kepada ekonomi, modal insan dan kesejahteraan masyarakat dan negara. Waqaf juga dikenali sebagai endowmen islam, dan merupakan istilah pewaqafan dalam Islam. Perkara ini telah dipraktikkan dari sebelum kedatangan Islam juga yang dikenali sebagai sumbangan amal/*charity*.

Berdasarkan kepada firman Allah Taala sepertimana dinyatakan dalam Surah Al-Baqarah ayat 26 yang bermaksud "*Bandingan orang-orang yang membelanjakan harta-harta mereka pada fisabilillah, seperti sebiju benih yang ditanam tumbuh tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai keluar seratus biji benih lagi dan Allah akan menggandakan lagi bagi sesiapa yang ia kehendaki dan Allah Maha Luas Rahmat-Nya lagi Maha Mengetahui*".

Manakala ianya turut dinyatakan dalam Hadith Sahih Riwayat Muslim dengan maksudnya "*Daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi SAW telah bersabda: Apabila mati seseorang anak Adam, maka terputuslah*

*pahala amalannya kecuali tiga perkara, sedekah jariah atau ilmu yang dapat dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya*” dan *“Sedekah jariah”* di dalam hadis ini, ditafsirkan oleh para ulama’ sebagai waqaf. Ini menunjukkan, dalam pendekatan Islam juga mengakui antara amalan yang digalakkan dan dianugerahkan pahala berpanjangan oleh Allah Ta’ala adalah galakan kepada pemilik harta untuk menginfakkan harta tersebut untuk kebaikan, iaitu di jalan Allah (*infaq fi sabilillah*). Justeru, wujudnya waqaf itu juga adalah sebagai satu mekanisme untuk penjaanaan, tabungan, perpindahan dan pengagihan kekayaan harta dalam masyarakat Islam.

Dalam perkembangan dan memperkasakan kelestarian pendidikan di Malaysia, Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia (IPTIM) harus berusaha bagi memastikan institusi ini berupaya dalam membina reputasi tinggi, berdaya saing dan bersedia bertindak secara seiring dengan perkembangan global. Oleh yang demikian, waqaf merupakan salah satu cara yang dapat membantu IPTIM dalam menjana pendapatan dan manfaat yang boleh digunakan bagi tujuan peningkatan dan kemajuan pendidikan negara selain hanya mengharapkan hasil dari kutipan yuran pelajar semata-mata yang mana bersumberkan dari pinjaman pendidikan PTPTN atau MARA. Di Malaysia, waqaf tradisional banyak dipraktikkan terutama dalam mewaqafkan tanah, bangunan dan masjid namun, bagi waqaf di institusi pengajian tinggi atau *“eduwaqaf”* ini lebih memfokuskan kepada waqaf tunai, tanah, bangunan, buku-buku (kitab agama atau buku teks rujukan), lot ruang pejabat, peralatan, servis dan sebagainya.

Objektif kertas kerja ini adalah untuk meninjau keperluan kepada satu kaedah penawaran kebolehpasaran (*marketable*) kurikulum program akademik yang dibangunkan dan pengurusan dana institusi pengajian tinggi terutamanya IPTIM yang baik dari aspek kutipan dan perbelanjaan serta dapat memberikan manfaat dana waqaf yang berterusan dalam jangka panjang kepada institusi, pelajar dan juga masyarakat setempat.

## **PENGENALAN**

Waqaf merupakan amalan soleh yang dilaksanakan untuk mendapatkan pahala yang berterusan selama mana harta yang diwakafkan itu dimanfaatkan sepenuhnya sama ada bertempoh atau untuk selama-lamanya. Pada masa kini waqaf telah mula diperluaskan dalam pelbagai bentuk selain waqaf tanah, waqaf tunai, saham waqaf, waqaf saham, waqaf korporat dan sebagainya. Selagi mana ianya tidak bercampur dengan unsur-unsur penipuan dan riba maka ianya perlulah diuruskan dengan sebaiknya.

Waqaf boleh didefinisikan sebagai satu cara pengagihan harta yang diberikan kepada pihak tertentu dengan niat yang tertentu dan untuk dimanfaatkan secara berterusan. Pendidikan merupakan bidang yang perlu dititikberatkan melalui pelaksanaan konsep waqaf di mana natijahnya nanti mampu memberikan impak yang besar khususnya kepada pembangunan dan peningkatan ekonomi umat Islam. Waqaf juga mampu mendidik jiwa supaya bersedia untuk berkongsi kekayaan yang dimiliki dengan orang lain. Kemunculan waqaf pendidikan merupakan satu inisiatif baru di Malaysia di mana ianya telah lama dipelopori oleh negara-negara Timur Tengah dan Asia seperti Mesir (Universiti Al-Azhar), Indonesia (Universitas Darussalam Gontor), Arab Saudi (Universiti Islam Madinah) dan Turki (Universiti Al-Fateh).

Berdasarkan kepada Hadith Sahih Riwayat Muslim dengan maksudnya *“Daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi SAW telah bersabda: Apabila mati seseorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara, sedekah jariah atau ilmu yang dapat dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya”*.

**“Ilmu yang dimanfaatkan”** adalah merupakan satu cabang daripada pendidikan. Sesuatu ilmu itu dapat dimanfaatkan jika ada institusi pendidikan yang dibangunkan untuk membantu dalam melaksanakan konteks amal jariah dalam menuntut ilmu khususnya dalam usaha meringankan bebanan kewangan yang dikatakan menjadi faktor utama kepada permasalahan dalam menuntut ilmu khususnya bagi golongan yang kurang berkemampuan. Pembangunan waqaf dilihat mampu menjadi sumber ekonomi utama bagi sesebuah institusi pendidikan dan mampu mengurangkan kebergantungan sumber kewangan kepada kerajaan sama ada negeri atau negara. Di samping itu, pembangunan atau pemurnian semula kurikulum program pengajian akademik yang ditawarkan di IPTIM seharusnya yang melahirkan graduan-graduan kebolehpasaran, holistik dan mencipta kerjaya (*job creator*). Akan tetapi, teras utama kelestarian sesuatu institusi pengajian tinggi adalah kewangannya dan diikuti dengan pembangunan kurikulum akademiknya yang lengkap.

## **KONSEP WAQAF PENDIDIKAN**

Kini, masyarakat Malaysia masih lagi belum jelas mengenai waqaf yang mana hanya berorientasikan tanah terbiar atau pembinaan masjid dan surau. Namun sedikit sebanyak dengan wujudnya saham tunai dan saham waqaf telah memberikan pendedahan tentang konsep sebenar waqaf itu iaitu ianya tidak hanya tertumpu kepada pembinaan masjid dan surau sahaja.

Konsep yang dimainkan oleh waqaf pendidikan adalah untuk membantu membangunkan sesebuah institusi pendidikan melalui sumbangan yang diperolehi. Waqaf yang diterima adalah untuk sesebuah institusi pendidikan menjalankan urus tadbir / governan, membantu kos operasi, membangun modal insan dan meninggikan taraf pendidikan umat Islam. Selain daripada pemerkasaan konsep waqaf ini, konsep Sujuk Musyarakah yang melibatkan perkongsian dana di antara pelabur dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) juga boleh dijadikan rujukan. Pembangunan hartanah waqaf secara professional ini menghasilkan pulangan yang besar kepada MAIN untuk disalurkan semula kepada umat Islam yang memerlukan.

Pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat harta waqaf telah dibangun dan dikembangkan untuk membangunkan ekonomi dan pendidikan umat Islam. Universiti Al-Azhar di Mesir yang terkenal dengan pembiayaan melalui sumbangan harta wakaf dan telah melahirkan ramai cendekiawan Islam dari seluruh pelusuk dunia. Di England pula, Oxford Universiti juga telah dibangun atas model wakaf pendidikan. Walaupun waqaf tidak diwajibkan namun ia merupakan satu ibadat sunat yang memberikan kelebihan yang berterusan kepada penyumbanganya walaupun telah meninggal dunia. Justeru, waqaf pendidikan adalah bertujuan untuk membantu membangunkan universiti, bilik bacaan, perpustakaan, memperbaiki bangunan dan sebagainya.

Konsep waqaf sebenarnya tertumpu kepada pembekuan atau pemegangan aset yang diwaqafkan dan penyaluran manfaat mawquf berkenaan untuk digunakan bagi faedah orang yang menerimanya. Ditinjau dari sudut pemilikan aset berkenaan, waqaf dianggap sebagai terhad kepada Allah Taala. Konsep ini menekankan bahawa pewaqaf dan aset yang diwaqafkan tidak mempunyai sebarang hubungan lagi selepas sesuatu kontrak pewaqafan diwujudkan. Dengan ini seseorang pewaqaf tidak mempunyai hak untuk menjalankan apa-apa transaksi terhadap aset yang diwaqafkan. Konsep ini juga didapati memenuhi kriteria penting sesuatu pewaqafan iaitu elemen kekal di dalamnya.

## **INSTITUSI PENDIDIKAN BERKONSEPKAN WAQAF**

### **a) Waqaf Pendidikan Di Universiti Al-Azhar, Mesir**

Universiti Al-Azhar (Mesir) merupakan sebuah universiti yang terulung di dunia dan telah berjaya melahirkan cendekiawan Islam dari seluruh pelusuk dunia. Menurut sejarah, Universiti dijadikan sebagai institusi pendidikan yang menawarkan pelbagai cabang ilmu pengetahuan seperti Hadith, Tafsir, Tauhid, Ulum Quran, Sejarah, Sastera, Bahasa dan sebagainya. Selama lebih 800 tahun Universiti Al-Azhar ini dibiayai melalui dana wakaf.

Universiti Al-Azhar ditadbir oleh Majlis Tertinggi, Rektor, Timbalan Rektor dan Setiausaha. Bagi Majlis Tertinggi keanggotaannya terdiri daripada Rektor yang mempengerusikan majlis, Timbalan-timbalan Rektor, Dekan-dekan Kuliah, Wakil Kementerian Pendidikan dan beberapa orang ahli Mujamma' Buhuth serta beberapa orang yang berpengalaman dalam hal ehwal pentadbiran dan pembelajaran di Universiti al-Azhar. Pembangunan universiti Al-Azhar pada awalnya telah dibiayai melalui dana waqaf dan sehingga kini ia masih lagi diasaskan dan ditadbir melalui sumber wakaf. Pelbagai pihak telah menyumbang dan berwakaf bagi memastikan kelestarian sistem pendidikan Islam di universiti terkemuka ini sentiasa terpelihara daripada anasir-anasir luar yang ingin melihat institusi pendidikan Islam musnah.

Universiti Al-Azhar di Mesir yang dibina pada tahun 975 M merupakan sebuah universiti yang tertua di dunia yang juga dibiayai sepenuhnya daripada sumber wakaf yang menyedia dan memberi pendidikan secara percuma daripada pendidikan rendah sehingga pendidikan universiti (Hashim, 1990). Pada tahun 1986, sejumlah £147,324,300 telah diperuntukkan oleh Universiti Al-Azhar untuk membiayai aktiviti-aktiviti pembangunan dan pendidikan termasuk perbelanjaan mengurus 55 buah fakulti yang sedia ada dengan 6,154 orang kakitangan tenaga pengajar (849 profesor, 819 profesor madya, 1,517 pensyarah, 1456 pembantu pensyarah dan 1,510 orang "readers") [Razali, 2005]. Al-Azhar bukan sahaja terkenal dengan sumbangannya kepada pembangunan pendidikan Islam tetapi juga kepada aktiviti-aktiviti dakwah di seluruh dunia (Al-Habshi, 1991; Kahf, 2003). Institusi wakaf di dunia Islam telah merosot kedudukannya kerana kelemahan pengurusan. Kertas Mufti Mesir menyatakan: "Hal ehwal wakaf di Mesir pada akhir kurun ke 19 hingga awal kurun ke 20, telah diabaikan sehingga kedudukan wakaf itu lemah, malah menjadi beban kepada Azhar." Keprihatinan yang telah ditunjukkan oleh pemerintah Mesir pada awal penubuhan universiti ini membuktikan bahawa peranan wakaf dalam membangunkan ummah melalui institusi pendidikan adalah sangat berkesan dan telah dilaksanakan sejak 800 tahun dahulu. Pendidikan di Al-Azhar hanya menuntut pelajar membayar yuran pengajian yang amat rendah dan tidak membebaskan pelajar. Konsep waqaf pendidikan yang ditonjolkan lebih kepada kesamarataan dalam menuntut ilmu dan meringankan bebanan kewangan pelajar. Atas konsep waqaf inilah pelbagai bangsa dan Negara berpusu-pusu untuk menimba ilmu di bumi Mesir yang barakah ini.

### **b) Waqaf Pendidikan di Universitas Darussalam Gontor, Indonesia**

Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDSG) kini dikenali sebagai Universitas Darussalam Gontor ditubuhkan pada 10 April 1926 adalah merupakan antara pondok pengajian di Indonesia yang mengamalkan konsep wakaf demi kelangsungan pendidikan. Pondok pengajian ini telah melahirkan ramai para ilmuwan, ulama dan tokoh-tokoh masyarakat. Sistem pendidikan yang digunapakai juga telah mendapat pengiktirafan daripada beberapa institusi di luar negara seperti Kementerian Pendidikan dan Pengajaran Republik Arab Mesir, Universiti al-Azhar Mesir, Kementerian Pengajaran Kerajaan Arab Saudi dan Universiti of Punjab Lahore Pakistan. Beberapa buah universiti luar negara juga turut sama mengiktiraf pengajian di PMDSG seperti Universiti Antarabangsa Islam Islamabad, UIAM, Universiti Damascus Syria dan beberapa universiti lain. Lembaga tertinggi dalam pentadbiran dan pengurusan di Pondok Modern Darussalam Gontor adalah badan waqaf yang bertanggungjawab dalam aspek pendidikan dan pengajaran. Ianya diamanahkan kepada 15 orang alumni yang benar-benar memahami dasar dan hala tuju PMDSG. Pentadbiran baru akan dipilih pada setiap 5 tahun.

Pengurusan PMDSG ini terbahagi kepada 7 bahagian iaitu:- 1. Institut Studi Islam Darussalam (ISID), 2. Kulliyatul al-Mu'allimin al-Islamiyah (KMI), 3. Pengasuhan Santri, 4. Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern (YPPWPM), 5. Ikatan Keluarga Pondok Modern (IKPM), 6. Pusat Latihan Manajemen dan Pengembangan Masyarakat (PLMPM) dan; 7. Pondok-Pondok cawangan. Sistem pengurusan wakaf yang telah diamalkan di PMDSG telah bertahan lama sejak dari tahun 1958. Hampir 56 tahun sistem wakaf telah dilaksanakan di PMDSG. Sistem yang berasaskan wakaf ini melahirkan rasa hak pemilikan bersama dan tanggungjawab semua pihak. Kelangsungan PMDSG menjadi tanggungjawab kepada semua umat Islam. Corak pentadbiran dan pengurusan yang dilaksanakan di PMDSG adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip ketelusan, akauntibiliti dan kebersamaan. Dilihat dari sudut pandang lain PMDSG memupuk semangat kebersamaan antara semua pihak dan digunakan manfaat waqaf itu untuk menghidupkan institusi pendidikan. Ini amat berbeza dengan institusi pendidikan yang lain di mana hanya mementingkan keuntungan daripada manfaat yang lebih besar lagi iaitu melahirkan cendekiawan Islam. Konsep wakaf pendidikan yang dilaksanakan di PMDSG adalah melalui badan waqaf yang menguruskan tanah-tanah waqaf melalui 3 cara iaitu tanah waqaf tersebut diusahakan sendiri oleh petani dan keuntungan dibahagikan sama rata iaitu 50-50. Cara kedua adalah menyewakan tanah waqaf kepada petani dan dibayar mengikut musim tanaman dikeluarkan. Cara ketiga adalah kiraan sewa yang akan dibayar oleh petani mengikut jumlah hasil yang diperolehi. Daripada tiga cara di atas, telah memberikan kesan yang amat membantu PMDSG berkembang dan mengukuhkan lagi sumber ekonomi institusi tersebut melalui sistem waqaf.

### **c) Waqaf Pendidikan di Universiti Al-Fateh, Turki**

Di Turki, peranan waqaf sebagai penggerak ekonomi negara semenjak zaman Uthmaniyah telah membuktikan kepada dunia bahawa waqaf mampu menyumbang kepada institusi pendidikan. Sebagai contoh, Yayasan kewartawanan dan penulis Turki diasaskan secara sukarela melalui dana wakaf untuk menjalinkan hubungan antara etnik antarabangsa. Konsep suka berwakaf di Turki telah diterapkan di dalam jiwa di mana anak-anak kecil sentiasa diajar mengenai sifat tolong-menolong, berakhlak mulia dan rajin bersedekah. Terdapat sebanyak 142 buah universiti di Turki, 87 buah sekolah dan universiti di Cyprus dan masing-masing 800 dan 786 buah universiti di Cecennestan dan Azerbaijan telah dibangunkan dan dibiayai oleh sumber waqaf. Salah satu universiti yang terkemuka adalah Universiti Al-Fateh. Pada zaman pemerintahan Muhamad al-Fatih bin Murad, Sultan Muhammad II telah membuat perubahan dengan memastikan pusat-pusat pendidikan dibangunkan melalui sumber waqaf. Antara salah satu contoh badan yang mempraktikkan sumber waqaf adalah Hizmet yang merupakan sebuah gerakan atau badan yang mempromosikan jalinan hubungan mesra antara masyarakat, ekonomi, kebudayaan dan agama. Hizmet telah berjaya menubuhkan institusi pendidikan, hospital, hotel, bank dan juga menerbitkan akhbar terbesar Turki iaitu Zaman. Keunikan waqaf di Turki adalah ianya tidak dikaitkan dengan ideologi politik atau agama akan tetapi ianya berasaskan sifat tolong-menolong dan hormat-menghormati sesama insan.

### **d) Waqaf Pendidikan di Malaysia**

Di Malaysia, Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bagi membantu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) melaksanakan pembangunan harta-harta waqaf. Selaku pemegang amanah tunggal harta waqaf di negeri-negeri, MAIN tidak mempunyai satu undang-undang bertulis yang boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaan pengurusan harta waqaf.

Pengurusan waqaf mula menjadi sandaran undang-undang yang digariskan di dalam enakmen sebagaimana yang dinyatakan dalam enakmen pentadbiran negeri. Waqaf pendidikan sudah mula dikembangkan di Malaysia. Ini bertepatan dengan hasrat murni kerajaan Malaysia ingin melihat kurangnya kebergantungan dana kerajaan. Ulasan daripada Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin yang diambil dari artikel Berita Harian 15 September 2009, "*sudah tiba masanya institusi pengajian tinggi berdikari dan mengelak bergantung kepada dana kerajaan. Universiti perlu membantu kerajaan dengan mencari pendapatan sendiri menerusi pengkormesialan produk yang dihasilkan. Mereka perlu mencari pendapatan luar. Semua universiti*

*memiliki kekuatan produk R&D dan saya yakin dengan kemampuan mereka menjana pendapatan sendiri. “Kita juga mahu R&D memanfaatkan masyarakat bukan hanya memberi nilai kepada universiti”.*

## **RUMUSAN ANALISIS KAJIAN KELESTARIAN PROGRAM AKADEMIK DAN KEWANGAN IPT**

Hasil kajian sorotan literatur yang dijalankan, 8 elemen utama telah dikenalpasti menjadi aspek utama perbincangan dalam memperkasakan kelestarian institusi pendidikan tinggi Islam berkonsepkan Qaqaf (*eduwaqaf*) di Malaysia iaitu:

1. Pengurusan Kewangan
2. Pengurusan Pembangunan Kurikulum Akademik
3. Pengurusan Pemasaran
4. Pengurusan Perundangan
5. Pengurusan Kerjasama
6. Pengurusan Governan
7. Pengurusan Tenaga Pakar
8. Pengurusan Maklumat

Pengurusan kewangan atau sumber dana menjadi aspek tumpuan perbincangan kerana ia merupakan tulang belakang kepada kejayaan sesebuah institusi pendidikan. Tanpa dana yang mencukupi dan konsisten, sesebuah institusi pendidikan pasti sukar untuk beroperasi dengan baik. Sumber kewangan yang bermasalah akan membawa kepada pelbagai masalah yang lain iaitu kekurangan fasiliti, sumber manusia yang terhad, kurang aktiviti promosi yang membawa kepada ketidakfahaman masyarakat. Institusi pendidikan terutamanya institusi pendidikan tinggi Islam tidak seharusnya bergantung kepada geran dan bantuan kerajaan negeri serta kutipan yuran dalam menguruskan operasi mereka. Sudah tiba masanya institusi pendidikan tinggi ini mempunyai tabungan dana sendiri dan memanfaatkan kewujudan pelbagai instrumen kewangan Islam di Malaysia hari ini untuk menjana pendapatan yang memberi pulangan besar kepada dana waqaf.

Pembangunan dan pengurusan kurikulum program akademik yang dibangunkan setiap institusi terutamanya IPTIM perlulah disemak semula bagi yang telah sedia ada dan bagi institusi pendidikan tinggi yang baru perlulah membuat penyelidikan dan pembangunan terlebih dahulu dalam merangkakan kurikulum akademik yang berkualiti, melahirkan graduan yang kebolehpasaran dan tidak bersaing sesama institusi yang mempunyai persamaan sebagai contoh program-program yang ditawarkan di kalangan Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia (IPTIM). Sesama IPTIM perlu menjalinkan kerjasama persefahaman di antara semua institusi di bawah naungannya agar kelestarian institusi Kolej Universiti dan Universiti akan lebih kukuh, stabil dan kekal maju selamanya demi merakyatkan pendidikan dan melahirkan graduan Islam khususnya yang berilmu, berdaya saing dan teknorat atau usahawan Muslim yang juga akan melahirkan lebih ramai peluang-peluang kerjaya (*job creator*).

Aspek pengurusan pemasaran atau promosi waqaf (*eduwaqaf*) tidak kurang pentingnya dalam perbincangan ini. Promosi yang kurang berkesan menyebabkan pengetahuan masyarakat mengenai waqaf tidak dapat dipertingkatkan, malahan tidak dapat membetulkan sebarang salah tanggapan mengenainya. Pihak pengurus wakaf IPT seharusnya memanfaatkan pelbagai medium pemasaran kontemporari seperti media elektronik, media cetak bahkan media sosial dalam usaha merencanakan aktiviti pemasaran seterusnya membuka luas pintu waqaf untuk disertai oleh ramai umat Islam.

Hasil kajian, orientasi perbincangan mengenai waqaf pendidikan di Malaysia tidak lari daripada penemuan kajian oleh Ahmad Zaki latiff et.al (2005) yang mengemukakan antara lima cabaran dalam pengurusan waqaf pendidikan seperti yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian, satu lagi aspek yang perlu diberi perhatian dalam pemerkasaan pengurusan institusi wakaf pendidikan tinggi yang jarang dikupas ialah aspek perundangan. Seperti yang dimaklumi, wakaf merupakan salah satu bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri. Sebagai contoh, Seksyen 32 Enakmen Wakaf Selangor secara jelas menyebut bahawa Majlis Agama Islam Selangor adalah pemegang amanah tunggal bagi waqaf yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal waqaf mengikut perspektif Syariah. Oleh itu, dalam soal mewujudkan wakaf pendidikan di IPT, pihak pengurus waqaf IPT atau Jabatan Pengurusan Yayasan, Waqaf, Zakat IPT mestilah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing selaku pemegang amanah tunggal waqaf seperti mana termaktub dalam undang-undang. Kelulusan ini boleh diperolehi dengan mengadakan memorandum persefahaman sepertimana yang dilakukan oleh UKM (Anwar Sulong, 2013) dan UPM (Nurul Iman, 2013). Terbaru, USIM melalui Al-Abrar Waqf Fund telah diluluskan permohonan mereka oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan untuk dilantik sebagai *Mutawalli*. Pelantikan ini selaras dengan peruntukan dalam Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005. Seksyen 5 menyebut, “Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi mana-mana *mawqaf* yang terletak di dalam Negeri Sembilan”. Walau

bagaimanapun, di bawah Seksyen 33, MAINS boleh melantik mana-mana individu atau ejen yang kompeten dan berkeelayakan untuk menguruskan mana-mana *mawqaf* termasuk hal ehwal pelaburannya. Dengan kelulusan ini, USIM mesti menyerahkan laporan pengurusan dan kewangan secara berkala mengenai pengurusan Al-Abrar Waqf Fund kepada MAINS dan pihak USIM juga mewujudkan akaun khas bagi tujuan waqaf bagi mengelakkan percampuran dengan akaun sedia ada (Mohamad Haji Alias et.al, 2013). Aspek perundangan ini perlu diperhalusi oleh pengurus wakaf IPT sebelum beroperasi agar tiada isu bidang kuasa timbul dan menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap kewibawaan sesebuah institusi pendidikan waqaf.

Aspek kerjasama ini juga mempunyai peri pentingnya iaitu kerjasama antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing. Kelulusan MAIN ini diperlukan bukan sahaja untuk pemantauan, malah ianya membuka ruang kerjasama dan perbincangan yang lebih luas di antara pengurus wakaf IPT dan MAIN dalam usaha merencanakan lagi aktiviti waqaf pendidikan dan mencapai objektif yang digariskan. Kerjasama MAIN dalam membantu sama-sama mempromosikan kepada seluruh rakyat negeri masing-masing adalah satu tindakan yang memberi impak yang sangat memberansangkan dan positif dalam pertumbuhan dan pembangunan IPT itu sendiri. Justeru, kerjasama antara IPTIM juga mempunyai peranan yang sangat penting dalam sesama pembangunan institusi masing-masing.

Aspek-aspek lain yang turut diperbincangkan adalah mengenai governan waqaf, tenaga pakar yang menguruskan waqaf, dan pengurusan maklumat atau aset wakaf. Pihak pentadbir waqaf sebagai pemegang amanah waqaf bertanggungjawab memelihara, memajukan, dan membangunkan semula harta-harta waqaf demi kemaslahatan ummah selaras dengan dasar dan hasrat pewakaf. Pengurusan governan waqaf jika tidak dijalankan dengan baik boleh memberi persepsi negatif kepada wakaf pendidikan. Skop pentadbiran ini meliputi aspek kecukupan kakitangan, keahlian kakitangan dalam pengurusan, kefahaman pengurusnya mengenai waqaf, kemudahan dalam pengurusan seperti penggunaan teknologi terkini bagi penyimpanan data waqaf dan sebagainya. Waqaf amat berpotensi dalam membangunkan pendidikan sekiranya diuruskan oleh organisasi yang profesional dan mengamalkan budaya kerja Islam yang sebenarnya. Cadangan agar setiap institusi yang mengurus waqaf perlu mengamalkan kod etika khas dalam pengurusan waqaf untuk mencapai kecemerlangan sebagaimana institusi terdahulu adalah amat wajar diberi perhatian.

## **KESIMPULAN**

Pelaksanaan pendidikan tinggi berkonsepkan waqaf di IPT terutamanya IPTIM perlu diperhebatkan dengan pengurusan yang strategik, tabungan dana yang efisien, perundangan yang kukuh, jalinan kerjasama yang erat, governan yang telus, pemasaran yang berkesan, dan mengenalpasti model pengurusan waqaf yang sesuai untuk diaplikasikan.

Waqaf pendidikan juga perlu diaplikasikan berlandaskan konsep tidak bergantung kepada mana-mana sumber kewangan kerajaan yang mana lebih dikuasai oleh sistem politik. Sumber waqaf di Universiti Al-Azhar dan beberapa tempat lain di dunia membuktikan bahawa sistem pendidikan Islam adalah *syumul* mampu tersebar luas dengan memberikan keistimewaan kepada semua umat Islam yang ingin menimba ilmu secara *talaqqi* dan beradab. Waqaf pendidikan yang diamalkan di Universitas Darussalam Gontor juga membuktikan bahawa konsep berdikari melalui pembangunan harta waqaf dan ianya perlu diurus dan ditadbir dengan telus dan jujur. Waqaf pendidikan di Turki dikembangkan dan seumpama satu kewajipan membayar zakat dan mesti dilaksanakan.

Rakyat memandang serius tentang keperluan berwaqaf dan manfaat yang akan mereka terima hasil daripada waqaf tersebut. Huraian ini dapat merumuskan bahawa waqaf mampu membantu dalam memajukan sistem pendidikan sejak dahulu lagi dan banyak menyumbang kepada faktor positif kelestarian institusi pendidikan negara. Kini peranan yang lebih serius perlu dijalankan oleh semua pihak dalam memastikan waqaf diurus perdanakan dan relevan dilaksanakan disamping merakyatkan ilmu yang berkualiti. Sudah tiba masanya, waqaf pendidikan menjadi agenda besar umat Islam hari ini agar masalah keciciran anak bangsa dalam mendapatkan pendidikan lantaran kos pendidikan yang tinggi dapat diatasi, seterusnya usaha pembangunan modal insan yang berkualiti dunia dan akhirat dapat dilestarikan.